

15 JUN 1998

NZealand-Lawatan (Bergambar)

TIMBALAN PM NEW ZEALAND TIBA UNTUK LAWATAN RASMI TIGA HARI

KUALA LUMPUR, 15 Jun (Bernama) -- Timbalan Perdana Menteri dan Bendahari (Menteri Kewangan) New Zealand Winston Peters tiba di sini, malam ini, untuk lawatan rasmi tiga hari ke Malaysia.

Ketibaan Peters dan 10 anggota rombongannya di Lapangan Terbang Sultan Abdul Aziz Shah di Subang, dekat sini, disambut oleh Timbalan Menteri Luar Datuk Leo Michael Toyad dan Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Peter Chin, sebagai Menteri Pengiring.

Peters akan mengunjungi Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan Datuk Seri Anwar Ibrahim pagi esok.

Pada tengah harinya, beliau akan menyampaikan ucapan pada seminar perniagaan Malaysia-New Zealand yang akan membincangkan mengenai peluang pelaburan, perdagangan dan perniagaan antara kedua-dua negara.

Peters dan Anwar juga dijadualkan menyaksikan majlis menandatangani Perjanjian Langit Terbuka Malaysia-New Zealand di sini.

New Zealand mengeksport barangan bernilai kira-kira RM1 juta ke Malaysia manakala import dari Malaysia berjumlah RM800 juta. Malaysia ialah rakan dagang ke-10 terbesar bagi New Zealand.

Peter diiringi oleh bekas perdana menteri New Zealand Mike More, Gobenor Bank Simpanan New Zealand Dr Don Brash, pengerusi Lembaga Tenusu New Zealand Sir Dryden Spring dan pemimpin masyarakat Maori Sir Tipene O'Regan.

Beliau juga akan melawat Pulau Pinang dan dijadualkan mengunjungi Ketua Menteri Tan Sri Dr Koh Tsu Koon.

-- BERNAMA

MT NAK